

Anak yatim sertai Kembara Zoo Negara

KUALA LUMPUR: Seramai 60 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Baitul Ummah, Setapak di sini, diiraikan dalam program kebajikan Kembara Zoo Negara kelolaan Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd.

Aktiviti itu satu daripada program tanggungjawab sosial korporat syarikat membantu golongan kurang ber-

nasib baik.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, berkata aktiviti itu adalah sumbangan kecil pihaknya kepada golongan kurang bernasib baik terutama anak yatim untuk bergembira dengan mengikuti aktiviti yang kami adakan.

"Kami juga terbabit secara aktif menjalankan pelbagai program ceramah motivasi

untuk pelajar sekolah khususnya murid sekolah rendah sekitar Selangor dan ibu kota bagi memberi pendedahan awal mengenai karier sebagai jurutera," katanya.

Program Kembara Zoo Negara itu diadakan seawal jam 10 pagi bagi membolehkan anak yatim mengenali spesies haiwan dan pada masa sama mengikuti pelbagai aktiviti menarik yang disediakan.



ANAK yatim Rumah Baitul Ummah menyertai Program Kembara Zoo Negara.

UZAM SHAMUDIN | BERTA HARIAN